

No. Ruj. : USM.75/25 Jld.XIII
Tarikh : 15 Januari 2025
Kepada : Semua Staf
Universiti Sains Malaysia

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 6 TAHUN 2025

- **PERTUKARAN NAMA UNIT PERHUBUNGAN STAF (UPHS) KEPADA UNIT PERHUBUNGAN & KESEJAHTERAAN STAF (UPKS) DAN MAKLUMAN PERPINDAHAN UPKS KE ARAS 2, BANGUNAN CANSELORI**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa bermula 1 November 2024, Unit Perhubungan Staf (UPHS), Aras 4, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar telah berpindah ke lokasi baharu di **Aras 2, Bangunan Canselori C22 (bersebelahan Bilik Temu Duga BSM)**. Perpindahan ini mengambil kira isu keterjaminan (privasi) dan keselesaan warga staf yang mendapatkan perkhidmatan kaunseling di samping memudahkan warga pesara yang ingin berurusan berkaitan kemudahan perubatan dan Kelab Jasa Budi ke Kaunter UPKS yang hanya terletak di aras 2.

3. Tujuan pertukaran nama tersebut adalah untuk memaklumkan kepada warga staf USM tentang fungsi UPHS sebelum ini yang bukan hanya memfokuskan kepada kemudahan, kebajikan dan perhubungan staf semata-mata (seperti Hal Ehwal Skim Kemudahan Perubatan Warga Staf & Pesara, Ex-Gratia, Tabung Kebajikan Staf, Latihan Industri *inbound* malah turut menyediakan perkhidmatan perundingan dan kaunseling kepada warga staf USM.


4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, boleh terus menghubungi **Unit Perhubungan dan Kesejahteraan Staf (UPKS) di sambungan 6100, 6106, 6069, 6072, 6423, 6077, 6095 dan 6096**. Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato' Seri/ Datuk/ Prof./ Prof. Madya/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)

Pendaftar

Tel: (6)04 653 3111 ; E-Mel: azizudin@usm.my ; Faks: 604-658 1718 ; Web: pendaftar.usm.my



HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 6 TAHUN 2025

- **PERTUKARAN NAMA UNIT PERHUBUNGAN STAF (UPHS) KEPADA UNIT PERHUBUNGAN & KESEJAHTERAAN STAF (UPKS) DAN MAKLUMAN PERPINDAHAN UPKS KE ARAS 2, BANGUNAN CANSOLORI**

s.k. Naib Canselor

Timbalan-Timbalan Naib Canselor

Timbalan Pendaftar Kanan
Jabatan Pendaftar
Kampus Kesihatan

Timbalan Pendaftar
Bahagian Sumber Manusia

Timbalan Pendaftar
Jabatan Pendaftar
Kampus Kejuruteraan

Ketua Penolong Pendaftar
Ketua Pentadbiran
Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT)